



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI  
(CHIEF EXECUTIVE OFFICER/DIRECTOR GENERAL OF INLAND REVENUE)  
IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
MENARA HASIL, ARAS 18  
PERSIARAN RIMBA PERMAI  
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA  
SELANGOR

Telefon : 03-83138888  
Laman Web : www.hasil.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LHDN.AL.H.600-16/1/65 (45)

Tarikh : **24** Disember 2025

**AirBorneo Holdings Sdn Bhd**

Level 5, Office Building,  
Annexed to Raia Hotel & Convention Centre,  
17, Jalan Lapangan Terbang,  
93250 Kuching, sarawak.

(u.p : En. Kong Fook Ann)

Tuan,

**MAKLUM BALAS BERHUBUNG PERMOHONAN PENGELUARAN E-INVOIS  
DISATUKAN (CONSOLIDATED E-INVOICE) BAGI TEMPOH PERALIHAN  
PENSTRUKTURAN DAN PENJENAMAAN SEMULA SERTA PROSES INTEGRASI  
SISTEM IT DARIPADA 10 DISEMBER 2025 HINGGA 30 JUN 2026**

**MASwings SDN BHD (C20104710010)**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada surat syarikat bertarikh 28 November 2025 berhubung perkara di atas.

2. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah membuat pertimbangan ke atas permohonan yang dikemukakan dan memutuskan Pihak MASwings dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois mengikut kaedah berikut:

- (a) Mengeluarkan e-Invois disatukan bagi jualan tiket penerbangan dan carter peribadi sehingga **31 Mac 2026**;
- (b) Mengeluarkan e-Invois mengikut transaksi selaras dengan ketetapan yang dinyatakan dalam perenggan 3.7 Garis Panduan Spesifik e-Invois bagi jualan tiket penerbangan dan carter peribadi bermula **1 April 2026**;

(c) Mengeluarkan e-Invois bil sendiri (*self-billed e-Invoice*) mengikut transaksi bagi transaksi yang memerlukan pengeluaran e-Invois bil sendiri selaras dengan ketetapan yang dinyatakan dalam perenggan 8.3 Garis Panduan Spesifik e-Invois serta mengeluarkan e-Invois bil sendiri secara disatukan (*consolidated self-billed e-Invoice*) hanya bagi transaksi yang dibenarkan di bawah perenggan 3.6.5 dalam Garis Panduan yang sama.

3. Pembayar cukai dinasihatkan untuk mematuhi keperluan pengeluaran e-Invois yang ditetapkan dalam Garis Panduan e-Invois dan Soalan Lazim Spesifik – Industri Penerbangan yang telah dikeluarkan agi memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap pelaksanaan e-Invois.

4. Komitmen dan sokongan daripada syarikat amat dihargai dalam memastikan kelancaran pelaksanaan e-Invois.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“BERSAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



( SHAHARRUDY BIN OTHMAN )

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian)

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia